

10 DEC 2001

Negara-Militan

PASUKAN KHAS DITUBUH KENDALI ISU SENJATA KIMIA

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Kerajaan telah menubuhkan sebuah pasukan petugas khas berkenaan senjata kimia sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan yang melibatkan senjata itu dalam peperangan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung berkata jawatankuasa itu berkongsi kepakaran dengan agensi-agensi perisikan asing seperti dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain yang mempunyai kepakaran dalam teknologi biokimia.

"Kerajaan sentiasa berwaspada untuk menghadapi peperangan termasuk peperangan senjata kimia. Walaupun negara ini tidak mempunyai kepakaran dalam bidang itu tetapi kerajaan telah menubuhkan sebuah pasukan petugas khas dalam bidang itu," katanya menjawab soalan Senator Datuk Dayang Mahani Ahmad Raffae di Dewan Negara hari ini.

Dayang Mahani dalam soalnya ingin tahu langkah yang diambil kerajaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan peperangan termasuk penggunaan senjata biokimia seperti antraks.

Semasa menjawab soalan Senator Siti Zailah Mohamed Yusof, Chor berkata kerajaan berasa agak kecewa dengan tindakan sesetengah pihak di negara ini yang menggunakan isu agama untuk mencetuskan kekecohan di kalangan rakyat.

Katanya tindakan itu adalah suatu yang tidak bertanggungjawab dan boleh membawa kepada masalah lebih besar jika tidak dibendung.

Siti Zailah ingin tahu pendirian kerajaan berhubung keganasan terhadap umat Islam yang dilakukan Amerika Syarikat di Afghanistan.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan berulang kali bahawa kita memang menentang keganasan tanpa mengambil kira bangsa dan agama. Bagi menangani isu keganasan terhadap umat Islam, Perdana Menteri telah membangkitkan isu itu di forum-forum antarabangsa," katanya.

Menjawab soalan Senator Datuk Chin Fook Weng, Chor berkata kerajaan Malaysia berharap konvensyen negara-negara Asean mengenai keganasan yang akan diadakan tahun depan akan mendorong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menganjurkan forum serupa di peringkat antarabangsa.

Katanya Malaysia berharap PBB akan menganjurkan satu forum yang boleh dihadiri semua negara seperti yang pernah diadakan di Brazil pada 1993 untuk membincangkan isu keganasan itu.

Dengan cara itu katanya, isu keganasan dan penganas dapat diberikan satu definisi yang menyeluruh.

-- BERNAMA

NM NM RON